

Dinamika Islamik Parti PAS dan UMNO dalam Politik Malaysia

The Islamic Political Dynamics of PAS and UMNO in Malaysia

MUHAMMAD FAHMIE NUAIMAN NOOR AZMI*, MARZUDI MD YUNUS & MOHAMMAD TAWFIK YAAKOB

*Akademi Pengajian Melayu,
Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia*
Corresponding author: fnuaiman94@gmail.com

Received: 10 January 2026 Accepted: 30 April 2026

Abstrak

Kajian ini meneliti dinamika dan perkembangan parti politik *United Malays National Organisation* (UMNO) dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) yang melihat dalam konteks politik Malaysia berkenaan perkembangan dan perubahan parti tersebut. Sepanjang penubuhannya, kita dapat menyaksikan perubahan signifikan dalam landskap politik negara, terutamanya selepas beberapa dekad siri penubuhan kedua-dua parti terbesar tersebut. Setiap siri pilihan raya menampakkan corak perubahan yang berlaku bagi menghadapi PRU yang berlaku. Reka bentuk kajian ini ialah menggunakan kaedah kualitatif dan kajian ini menggunakan kajian ke atas dokumen, artikel serta yang mejurus kearah sejarah parti tersebut. Kajian ini menganalisis beberapa kajian dan artikel jurnal yang menerangkan berkenaan UMNO dan PAS. Hasil dari kajian ini telah menunjukkan terdapat beberapa perubahan yang signifikan terhadap dua buah parti tersebut. UMNO, sebagai parti teras BN menghadapi cabaran dalam mengekalkan sokongan tradisional pengundi Melayu-Islam yang membawa mereka kepada pendekatan parti yang lebih islamik, manakala PAS sebagai parti Islam utama bergelut dengan isu identiti dan strategi politik mereka antara parti islam yang dilihat radikal kearah bersifat lebih kepada demokrasi islamik. Faktor-faktor yang mempengaruhi hubungan kedua-dua parti, termasuk persaingan untuk mendapatkan sokongan pengundi Melayu-Islam, isu-isu agama, dan perubahan dinamik dalam aliran politik. Melalui analisis kajian dan artikel, ucapan pemimpin, dan keputusan pilihan raya, kajian ini memberikan gambaran komprehensif tentang evolusi hubungan UMNO-PAS dan implikasinya terhadap masa depan politik Melayu-Islam di Malaysia menerusi proses sosialisasi politiknya. Hasil kajian menunjukkan bahawa tempoh masa yang tertentu memperlihatkan parti tersebut lebih fleksibel bagi mendapat tempat dalam kalangan pengundi, dengan UMNO dan PAS memainkan peranan penting bagi meneraju politik Melayu-Islam sekaligus Malaysia.

Kata kunci: Dinamika; Islamik; United Malays National Organisation; Parti Islam Se-Malaysia; Perkembangan

Abstract

This study examines the dynamics and development of the United Malays National Organisation (UMNO) and the Pan-Malaysian Islamic Party (PAS) within the context of Malaysian politics, focusing on the evolution and transformation of these parties. Since their establishment, both parties have experienced significant shifts in the nation's political landscape, particularly over the decades following their founding. Each general election has revealed patterns of change as the parties adapt to the political climate. The design of this study employs a qualitative approach, utilizing document

and article analysis with a historical orientation toward both parties. The research analyzes several studies and journal articles discussing UMNO and PAS. Findings indicate that both parties have undergone notable transformations. UMNO, as the core party of Barisan Nasional (BN), faces challenges in maintaining its traditional Malay-Muslim voter base, leading it to adopt a more Islamic-oriented approach. Meanwhile, PAS, as the main Islamic party, has grappled with issues of identity and political strategy transitioning from being perceived as radical toward a more democratic Islamic stance. The factors influencing the relationship between the two parties include competition for Malay-Muslim voter support, religious issues, and shifting dynamics within the political landscape. Through analysis of research findings, journal articles, leaders' speeches, and election results, this study provides a comprehensive overview of the evolving UMNO-PAS relationship and its implications for the future of Malay-Islamic politics in Malaysia through their politics socialization. The findings reveal that during certain periods, both parties demonstrated flexibility to secure voter support, with UMNO and PAS continuing to play pivotal roles in shaping Malay-Islamic and national politics in Malaysia.

Keywords: Dynamics; Islamic; United Malays National Organisation; Pan-Malaysian Islamic Party; Development

Pendahuluan

Perkembangan politik masyarakat Melayu telah bermula sejak awal penubuhan kerajaan pembentukan Melaka melalui pengaruh kemasukan Hindu-Buddha dan Islam. Pada awalnya kerajaan Melayu mengamalkan sistem feodalisme iaitu wujudnya golongan yang diperintah dan golongan yang memerintah. Institusi raja merupakan institusi yang menjadi sanjungan dan sesebuah kerajaan Melayu tidak akan lengkap tanpa Sultan.¹ Sehingga kini parti politik Melayu Islam yang dominan ialah United Malay National Organisation (UMNO) dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS). PAS dan UMNO dilihat mula menapakkan diri mereka di negeri-negeri seluruh Malaysia sejak awal penubuhan mereka lagi. Menurut Muhamad Nadzri², ramai sarjana berpendapat bahawa parti berdasarkan kaum masih relevan di Malaysia di mana bilangan pengikut masih ramai dan menguasai kebanyakan negeri di Pantai Timur khususnya. Melayu merupakan etnik yang tidak dapat dipisahkan dari Malaysia. Etnik Melayu memiliki jumlah penduduk 22,606,197 juta orang atau 68.88% daripada jumlah keseluruhan penduduk di Malaysia.³ Dua entiti parti terbesar Melayu-Islam mencorakkan dinamika politik yang berlaku sehingga kini.

Politik Melayu-Islam di Malaysia sejak pra-kemerdekaan sehingga era pasca Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) memperlihatkan satu pola perubahan yang bersifat dinamik dan tidak statik. Dua parti utama Melayu-Islam, iaitu UMNO dan PAS, bukan sahaja berfungsi sebagai institusi politik, tetapi juga sebagai agen sosialisasi politik yang membentuk kefahaman masyarakat Melayu terhadap Islam, nasionalisme dan demokrasi.

Skop kajian ini lebih bertumpu kepada melihat dinamika politik yang menyentuh perubahan dan perkembangan yang berlaku dalam politik UMNO dan PAS khususnya perubahan kearah berbentuk islamik dalam meraih sokongan pengundi. Terdapat pelbagai perubahan yang dilihat tidak ideal dengan parti UMNO dan PAS khususnya.⁴ Kemelut dan perubahan kearah islamik, isu dalaman seperti pepecahan, kerjasama dengan parti lain dan sebagainya juga dilihat menjadi peranan besar dalam mencorakkan dinamika parti politik Melayu-Islam tersebut.

Walaupun terdapat banyak kajian terdahulu yang membincangkan UMNO dan PAS dari sudut sejarah, ideologi dan prestasi pilihan raya, kajian ini berpendapat bahawa masih wujud kelompongan dari segi analisis yang mengaitkan perubahan ideologi Islamik kedua-dua parti dengan

proses sosialisasi politik secara sistematis. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan menjawab persoalan kajian utama iaitu bagaimanakah proses sosialisasi politik mempengaruhi transformasi ideologi Islamik UMNO dan PAS serta implikasi perubahan tersebut terhadap dinamika politik Melayu-Islam di Malaysia.

Kerangka Teori dan Konsep Analisis

Teori Sosialisasi Politik

Teori sosialisasi politik digunakan sebagai kerangka analisis utama dalam kajian ini bagi menjelaskan bagaimana parti politik membentuk, menyesuaikan dan menyebarkan nilai serta ideologi kepada masyarakat. Dalam konteks kajian ini, sosialisasi politik merujuk kepada proses di mana UMNO dan PAS mentafsir semula konsep Islam, nasionalisme dan demokrasi melalui dasar, wacana kepimpinan dan strategi pilihan raya. Pemilihan teori ini adalah signifikan kerana membolehkan analisis dilakukan secara analitikal dengan meneliti hubungan antara ideologi dan konteks politik.

Secara umumnya, teori sosialisasi politik merupakan kerangka teori untuk menjelaskan bahawa cara dan bentuknya yang tersendiri yang diunakan oleh setiap parti yang ada. Teori sosialisasi politik dikemukakan oleh Hyman melalui bukunya yang bertajuk *Political Socialization*.⁵ Hyman telah mencadangkan bahawa jika seseorang individu ingin mencapai kestabilan dalam sistem politik, mereka mesti mempelajari tingkah laku politik mereka dengan baik dan secara berterusan bermula pada peringkat awal.⁶

Definisi umum sosialisasi politik ialah proses induksi ke dalam sistem politik.⁷ Definisi yang diterima oleh kebanyakan sarjana telah dikemukakan oleh Sigel, yang mendefinisikan sosialisasi politik sebagai proses di mana individu belajar untuk menerima pakai norma, nilai, sikap, dan tingkah laku yang diterima dan diamalkan oleh sistem (politik) yang berterusan.⁸ Dalam konteks artikel ini, pemahaman mengenai teori sosialisasi politik adalah penting untuk menganalisis matlamat berkenaan dengan parti politik dan memfokuskan dinamika kedinamikan politik UMNO dan PAS dengan pelbagai perubahan isu agama islam khususnya dan politik dalam kalangan masyarakat Melayu-Islam di Malaysia.

Definisi Konsep Utama

Radikal Islamik merujuk kepada pendekatan politik Islam yang menekankan pelaksanaan Islam secara menyeluruh dan literal dalam pentadbiran negara, termasuk penubuhan negara Islam dan pelaksanaan undang-undang syariah sebagai teras sistem perundangan.⁹ Manakala Demokrasi Islamik ialah satu bentuk pendekatan yang menggabungkan prinsip Islam dengan mekanisme demokrasi moden seperti pilihan raya, perwakilan dan musyawarah. Bagi Nasionalisme Melayu pula ialah satu bentuk ideologi yang menekankan kepentingan politik, ekonomi dan budaya orang Melayu sebagai teras pembinaan negara.¹⁰ Manakala menurut Hubtibtgton, Konservatisme ialah satu bentuk kecenderungan untuk mengekalkan struktur sosial dan politik sedia ada dengan penyesuaian terhad terhadap perubahan.¹¹

Dinamika Politik

Menurut Muhammad Tawfik, kedinamikan politik di dalam kajian ini dapat ditakrifkan sebagai sebuah sistem politik yang dapat disesuaikan dengan situasi semasa, maju dan berupaya berubah bagi mencapai sesuatu matlamat yang sama.¹² Secara umumnya menurut Drutman, mendefinisikan kedinamikan politik sebagai sebuah sistem politik yang fleksibel.¹³

UMNO sentiasa berusaha untuk menekankan isu pembangunan dan faedah ekonomi hasil kepimpinannya kepada masyarakat Melayu, sedangkan parti pembangkang Parti Islam Se-Malaysia (PAS) mengambil landasan moral yang tinggi dengan menekankan Islam sebagai kunci perpaduan dan kemajuan masyarakat Melayu. UMNO ditubuhkan sebagai parti komunal, matlamatnya adalah untuk melindungi dan mempromosikan komuniti yang ditakrifkan mengikut etnik. Cabaran utama kepada UMNO datang daripada PAS, yang menegaskan keutamaan utama pentadbiran negara bukanlah kaum tetapi agama.¹⁴

Kedua-dua parti ini telah memberikan tafsiran masing-masing tentang Islam, mencetuskan perdebatan mengenai siapakah yang lebih 'betul' mengikut tafsiran Islam. Pendirian UMNO terhadap Islam sentiasa bersifat defensif. Ia telah melakukan apa yang perlu untuk menegakkan peruntukan perlembagaan bahawa Islam adalah agama kebangsaan. UMNO telah menyahut cabaran PAS dengan membina institusi Islam di seluruh negara, dan melaksanakan dasar yang dinamakan Islamisasi aparat kerajaan. Bagaimanapun, UMNO tidak pernah diiktiraf sepenuhnya oleh orang Melayu sebagai jaguh agama, sebaliknya sebagai pejuang hak Melayu, mengangkat martabat ekonomi dan kemasyarakatan orang Melayu.¹⁵

Dinamika seterusnya ialah dari segi perubahan dan transformasi dalam kerajaan dan kepimpinan politik Melayu. Pada tahun 1987 Dr. Mahathir menghadapi cabaran terhadap kepimpinan UMNO dan melancarkan Operasi Lalang, menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) terhadap organisasi dan individu yang mengkritik dasar Kerajaan.¹⁶ Satu lagi demonstrasi kuasa eksekutif ke atas semua institusi lain di negara ini ialah pengurangan kuasa raja-raja Melayu. Pindaan perlembagaan dibuat untuk menghapuskan kuasa veto raja-raja Melayu ke atas rang undang-undang.

Dari segi kepimpinan politik Melayu, ideologi, visi dan kekuatan pemimpin di Malaysia mempunyai kesan yang berpengaruh terhadap hasil pembangunan. Masyarakat pada umumnya bertindak balas dan menyesuaikan diri dengan setiap pemimpin baharu dan dasar baharu yang dilaksanakan, dengan syarat pemimpin juga responsif kepada kepentingan mereka. Secara dasarnya politik Melayu ini mengalami satu bentuk perubahan dan dinamikanya yang tersendiri. Kesemua agen dinamika politik ini bergantung antara satu sama lain dan oleh itu kajian ini bertujuan meneliti dan menganalisis dinamika politik Melayu yang berlaku khususnya pasca PRU ke 12.

Sorotan Literasi

PAS ditubuhkan pada tahun 1951 berikutan dua mesyuarat kebangsaan para alim ulama seperti Haji Ahmad Fuad Hassan dan Burhanuddin Al-Helmy, pertama di Kuala Lumpur dan kemudian di Pulau Pinang.¹⁷ Konvensyen tersebut menghimpunkan sarjana Islam konservatif untuk membincangkan cara-cara yang boleh mereka sumbangkan dalam memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu daripada British. Kesimpulan dari perbincangan tersebut ialah penubuhan PAS, pada asalnya direka untuk menjadi parti nasionalis Melayu yang konservatif, tetapi membezakan struktur parti daripada UMNO yang lebih dominan dengan memasukkan unsur ideologi Islam dalam pentadbiran.¹⁸

Menurut Amer "Dalam politik Malaysia, UMNO dan PAS dilihat sebagai memperjuangkan kepentingan Melayu namun PAS juga memberi keutamaan kepada Islam. Etnik Melayu menjadi sumber utama kepada sokongan yang diperolehi oleh kedua-dua parti ini. PAS juga seolah-olah dilihat lebih mementingkan Melayu dalam tindakan politik mereka. Ini membawa kepada persepsi PAS hampir sama dengan UMNO yang memperjuangkan kepentingan Melayu".¹⁹ Hal ini boleh dilihat sejak awal penubuhan PAS lagi. Menurut Riduan²⁰, PAS turut terlibat dalam perjuangan memerdekakan Tanah Melayu daripada British.²¹ Yang Di Pertua PAS yang kedua, Dr Burhanuddin Helmi merupakan seorang nasionalis yang sebelumnya memimpin Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) sebelum diharamkan oleh British. Bahkan menurut beliau lagi, PKMM turut terlibat dalam

penubuhan UMNO bagi menentang agenda Malayan Union.

Menurut Washida, di peringkat persekutuan, PAS menyertai semua pilihan raya umum sejak yang pertama kali diadakan pada tahun 1955.²² PAS boleh juga dikatakan sebagai cabang daripada UMNO kerana ramai ahli awalnya mempunyai dua keahlian dalam kedua-dua parti sejak awal. PAS membayangkan sebuah negara merdeka yang mempunyai Islam sebagai teras kepimpinan dan undang-undang syariah sebagai asas untuk sistem perundangannya. Di peringkat persekutuan, PAS menyertai semua pilihan raya umum sejak yang pertama kali diadakan pada tahun 1955.²³

Menurut Ahmad Fauzi, dari tahun 2008 hingga 2015, PAS mengamalkan pendekatan pragmatik dengan bekerjasama dengan parti-parti yang terdiri daripada pelbagai kaum seperti PKR dan DAP di bawah naungan Pakatan Rakyat (PR).²⁴ PAS turut bertanding dalam beberapa siri pilihanraya bersama dengan pakatan tersebut. Namun, perbezaan ideologi, terutama berkaitan isu hudud dan negara Islam telah menyebabkan berlakunya pergolakan dalaman antara parti komponen tersebut yang membawa kepada perpecahan. Pada tahun 2015, PAS telah beralih kepada pendekatan yang lebih konservatif dengan menubuhkan Gagasan Sejahtera yang menekankan agenda Islam tulen.²⁵

Dalam mendalami perbincangan seterusnya, menurut Mohd Azizuddin, UMNO yang menghadapi tekanan politik selepas kekalahan dalam Pilihan Raya Umum 2008, mula menekankan isu ketuanan Melayu dan Islam untuk mengekalkan sokongan pengundi Melayu.²⁶ UMNO juga menghadapi pelbagai cabaran dalaman, termasuk skandal 1MDB, yang melemahkan imej parti. Selepas 2015, terdapat usaha untuk membentuk kerjasama antara PAS dan UMNO, terutamanya dalam isu-isu berkaitan kepentingan Islam. Walau bagaimanapun, kerjasama ini tidak membuahkan hasil yang konkrit kerana perbezaan ideologi dan kepentingan politik. Perubahan dalam kedua-dua parti ini mencerminkan polarisasi politik Malaysia yang semakin meningkat, dengan tumpuan kepada isu-isu perkauman dan agama.²⁷

Kedua-dua parti menghadapi cabaran untuk menyesuaikan diri dengan perubahan landskap politik, termasuk kebangkitan Pakatan Harapan. PAS beralih daripada pendekatan pragmatik (bekerjasama dengan PKR dan DAP dalam Pakatan Rakyat) kepada pendekatan islamik yang lebih ideologi dan konservatif dengan menubuhkan Gagasan Sejahtera pada tahun 2015. Peralihan ini menyebabkan PAS mendapat satu sokongan yang kukuh di kalangan pengundi Melayu konservatif. Namun menunjukkan penurunan bilangan pengundi bagi kaum bukan Melayu khususnya.²⁸ Perkara ini mendapat sokongan yang kuat daripada masyarakat Melayu yang memandang parti PAS sebagai satu parti yang berteraskan kepada orang Islam khususnya. Dapat dilihat bahawa kedua-dua parti mengalami kedinamikannya yang tersendiri sekaligus merubah landskap dalaman parti tersebut yang membawa perubahan parti dalam konteks islamik itu sendiri.

Junaidi, Mohd Fuad & Nur Azuki turut menjelaskan bahawa politik merupakan salah satu disiplin ilmu yang sangat menarik untuk diteliti tetapi sukar untuk dikaji kerana tingkah laku politik pengundi adalah berbentuk dinamika dan tidak secara statik, mempunyai seninya yang tersendiri serta mempunyai elemen kejutannya yang tersendiri yang boleh berubah pada bila-bila masa Sahaja.²⁹ UMNO dan PAS mempunyai perubahannya yang tersendiri dalam menelusuri setiap PRU yang dilalui oleh kedua-dua parti tersebut.

Parti politik Melayu-Islam telah lama bertapak di Malaysia dengan pendekatan mereka yang tersendiri serta mengalami pelbagai konflik dalam kepimpinan, teruji dan menghasilkan dinamika bentuk pemikiran Islam konservatif dan progresif yang tersendiri.³⁰ UMNO secara amnya memperlihatkan satu bentuk prinsip berkait konservatisme yang dapat dilihat dalam perlakuan dan amalan politik UMNO. Berbeza dengan PAS yang mecorakkan pendekatan politik Islam yang berbeza. Kerap kali berlaku pertembungan antara dua buah parti terbesar Melayu itu.

Sokongan kaum dan agama dilihat masih lagi relevan serta menjadi senjata utama yang digunakan untuk meraih sokongan khususnya dalam kalangan pengundi atas pagar dan pengundi muda. UMNO dan PAS dilihat menggunakan sentimen tersebut dalam meraih sokongan pengundi khususnya yang beragama Islam. Perkara ini dilihat selari dengan masyarakat Melayu yang masih memandang agama sebagai sesuatu yang penting dalam memberi undi.

Kesimpulannya, Kajian ini telah menggunakan teori sosialisasi politik sebagai satu bentuk kerangka analisis utama membandingkan dinamika UMNO dan PAS secara mendalam, berbeza daripada kajian lain yang dilihat sering memfokuskan kepada prestasi pilihan raya atau konflik ideologi secara bersifat deskriptif sahaja. UMNO dan PAS dilihat mengalami evolusi dinamika Islamik melalui sosialisasi politik yang berbeza. Perubahan ini adalah sebagai respons kepada cabaran pengundi Melayu- Islam yang perlu dikaji secara mendalam.

Metodologi Kajian

Kajian ini mengaplikasikan reka bentuk kualitatif berasaskan analisis sejarah dan dokumen untuk meneliti evolusi politik UMNO dan PAS dalam konteks dinamika Melayu-Islam Malaysia. Reka bentuk kajian bersifat deskriptif-analitik dengan memfokuskan kepada kronologi sejarah, membahagikan analisis kepada tempoh pra-kemerdekaan (1946–1957), pasca-kemerdekaan awal (1951–1986), era reformasi dan gabungan (1989–2013), serta strategi kontemporari (2018–sekarang). Analisis menggunakan Systemic Literature Review (SLR) digunakan untuk mengenal pasti tema utama seperti islamisasi UMNO, perubahan ideologi PAS, dan sosialisasi politik dua aliran parti berdasarkan daripada kajian lampau, dokumen seperti perlembagaan parti, ucapan pemimpin seperti (Islam Hadhari Abdullah Badawi), dan juga merujuk kepada keputusan PRU. Pendekatan ini dipilih kerana kesesuaiannya dengan persoalan kajian yang menumpukan kepada proses sosialisasi politik dalam mempengaruhi ideologi islamik UMNO dan PAS di mana data kualitatif daripada sumber primer dan sekunder membolehkan pemahaman mendalam tentang corak ideologi dan strategi parti.

Perkembangan Politik Parti

United Malay National Organisation UMNO

Penubuhan UMNO, Ideologi Nasionalisme Melayu, dan Peranan Ulama: Konteks Pra-Kemerdekaan

Selepas Perang Dunia Kedua, British kembali ke Tanah Melayu dan memperkenalkan Malayan Union pada 1946, yang mendapat tentangan sengit kerana mengancam kedaulatan Melayu, hak istimewa Bumiputera, dan status sultan.³¹ Respons ini memicu siri kongres Melayu, memuncak dengan pembentukan United Malays National Organisation (UMNO) pada 11 Mei 1946 di Kongres Melayu Ketiga, Johor Bahru, di bawah presiden pertama Datuk Onn Jaafar. Pada peringkat awal, matlamat UMNO tertumpu kepada penentangan Malayan Union, bukan pencapaian kuasa politik langsung, yang membolehkan penyatuan pelbagai aliran nasionalis Melayu.³²

Ideologi UMNO terbahagi kepada tiga elemen utama iaitu nasionalisme Melayu, konservatisme sosial, dan demokrasi Islam.³³ Nasionalisme Melayu menjadi kerangka asas, menyatukan gerakan nasionalis, Islam, dan haluan kiri sejak 1920-an–1930-an. Kempen anti-Malayan Union menarik intelektual Melayu, pegawai awam, dan pembaharuan Islam seperti Hizbul Muslimin, yang diharamkan British pada 1948. Pandangan bahawa nasionalisme Melayu selari dengan Islam membolehkan penggabungan ini tanpa konflik besar, termasuk sokongan ulama tersohor yang

kemudian menjadi asas PAS.³⁴

Penglibatan Ulama di Bawah Payung UMNO: Strategi Pragmatik

Ulama menyertai UMNO di bawah Datuk Onn bukan kerana persetujuan penuh dengan nasionalisme sekular, tetapi untuk menyatukan tenaga menuntut kemerdekaan dan memperjuangkan Islam sebagai cara hidup.³⁵ Selepas pengharaman Hizbul Muslimin, ulama melihat UMNO sebagai platform sementara untuk melaksanakan dasar Islam dari dalam sistem kolonial. Ini mencipta pendekatan “Islam dari dalam”, di mana ulama seperti Burhanuddin al-Helmy bekerjasama secara taktikal sambil mengekalkan agenda agama.³⁶ Penglibatan ini membawa kemerdekaan pada 1957, tetapi juga menanggung benih konflik. Golongan ulama memandang UMNO sebagai saluran untuk menegakkan syariah, manakala pemimpin UMNO seperti Tunku Abdul Rahman mengutamakan nasionalisme pelbagai kaum.

Kemasukan ulama mewujudkan dua aliran berbeza dalam UMNO. Pertama ialah aliran Islam radikal yang mahu Islam sebagai asas pemerintahan pasca-kemerdekaan, dan yang kedua ialah aliran nasionalis liberal yang mengutamakan matlamat parti seperti kestabilan ekonomi dan perpaduan kaum.³⁷ Ulama meragui UMNO akan benar-benar menegakkan Islam disebabkan pengaruh liberal, yang membawa kepada ketegangan. Akhirnya, ini memicu pecahan pada 1951, di mana ulama konservatif membentuk PAS sebagai alternatif yang lebih tegas berideologi Islam.³⁸ Konflik ini mencerminkan dilema lebih luas dalam politik Melayu: ketegangan antara pragmatisme nasionalis dan puritanisme Islam. UMNO berjaya mengawal naratif nasionalisme, tetapi kehilangan sokongan ulama membawa kepada PAS sebagai pembangkang kekal.

Parti Islam Se-Malaysia (PAS)

Sejarah Parti Islam Se-Malaysia (PAS): Penubuhan, Perkembangan Pilihan Raya, dan Pengaruh Wilayah

Parti Islam Se-Malaysia (PAS) ditubuhkan pada 1951 melalui dua mesyuarat kebangsaan ulama di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, yang menghimpunkan sarjana Islam konservatif untuk membincangkan sumbangan mereka dalam perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu daripada British.³⁹ Konvensyen ini melahirkan PAS sebagai parti nasionalis Melayu yang membezakannya daripada UMNO melalui penekanan ideologi Islam sebagai teras kepimpinan dan undang-undang syariah.⁴⁰ Ramai ahli awal memegang keahlian berganda, menjadikan PAS seperti cabang UMNO pada peringkat permulaan. Parti ini secara konsisten menyertai semua pilihan raya umum sejak 1955, dengan prestasi yang bergantung kepada faktor seperti gabungan strategik, gelombang politik nasional, dan sokongan kuat daripada komuniti Melayu-Muslim konservatif.⁴¹

PAS bermula sebagai platform ulama untuk menyokong kemerdekaan, tetapi cepat berkembang kepada parti politik penuh. Pada PRU 1955, ia hanya memenangi 1 daripada 52 kerusi, mencerminkan kedudukan minoriti berbanding UMNO. Namun, PRU 1959 menandakan lonjakan dengan 13 daripada 104 kerusi, membolehkan PAS membentuk kerajaan di Kelantan dan Terengganu di mana negeri pertama di mana PAS mengawal Dewan Undangan Negeri (DUN).⁴² Kerajaan Terengganu runtuh pada 1963 akibat ketidakstabilan gabungan, manakala Kelantan bertahan sehingga 1977. Selepas itu, pengaruh PAS merosot disebabkan persaingan dalaman dan dominasi Barisan Nasional (BN), mencapai titik terendah pada PRU 1986 dengan hanya 1 kerusi. Fasa ini menonjolkan cabaran parti dalam menyeimbangkan ideologi radikal Islam dengan pragmatisme elektoral.

Puncak Reformasi dan Gabungan Pembangkang (1999–2013): Manfaat daripada Krisis Politik

PRU 1999 menjadi kemuncak dengan 27 kerusi Parlimen dan penguasaan Terengganu serta Kelantan, memanfaatkan kemarahan Reformasi terhadap Mahathir Mohamad dan gabungan Barisan Alternatif (BA) dengan DAP dan PKR⁴³ iaitu dua kali ganda prestasi terbaik sebelumnya. Walau bagaimanapun, BA berpecah selepas PRU 2004, di mana PAS hanya memenangi 7 kerusi dan kehilangan Terengganu. PAS pulih melalui Pakatan Rakyat (PR) pada PRU 2008 (23 kerusi, termasuk kerajaan Kedah) dan PRU 2013 (21 kerusi).⁴⁴ Kejayaan ini menunjukkan keupayaan parti memanfaatkan isu rasuah dan ketidakpuasan terhadap BN. Perpecahan dalaman pada 2015, di mana pemimpin progresif seperti Mohamad Sabu meninggalkan untuk membentuk Parti Amanah Negara (Amanah), melemahkan imej moderat PAS tetapi mengukuhkan sayap konservatif.⁴⁵

Pada PRU 2018 (PRU14), PAS mengambil pendekatan tidak dijangka dengan bertanding secara bersendirian melalui Gagasan Sejahtera (bersama Berjasa dan Ikatan), memenangi 18 kerusi daripada 155 yang dipertandingkan yang terdiri daripada Kelantan (9), Terengganu (6), dan Kedah (3).⁴⁶ Walaupun rakan gabungan gagal, strategi ini membuktikan kekuatan asas parti di kawasan Melayu-Muslim tulen. Pada 2020, PAS kembali mengawal Kedah melalui kerjasama dengan Bersatu dan UMNO, menunjukkan fleksibiliti pragmatik. Prestasi ini menyerlahkan peralihan daripada bergantung sepenuhnya kepada gabungan besar kepada pakatan kecil yang selari dengan ideologi.⁴⁷

Dinamika dan Perubahan Politik Parti PAS

Perkembangan dan Dinamika Radikal Islamik PAS Ke Arah Demokrasi Islamik

Parti Islam Se-Malaysia (PAS) ditubuhkan pada 1951 sebagai pecahan daripada UMNO dan menjadi pembangkang utama yang mampu melemahkan pengaruh Barisan Nasional (BN) di kalangan orang Melayu luar bandar.⁴⁸ Walaupun menekankan asas Islam, PAS tidak menjadikan penubuhan negara Islam sebagai agenda utama dalam tiga dekad pertama, sebaliknya mengutamakan pendekatan berperingkat melalui pendidikan masyarakat dan demokrasi.⁴⁹ Kongres parti pada 1954 secara jelas menolak usul tuntutan negara Islam segera.

PAS melihat UMNO dan kerajaan sebagai entiti tidak Islamik yang mempromosikan dasar Barat dan merosakkan masyarakat Melayu-Muslim.⁵⁰ Sebagai parti Islamik, PAS menawarkan visi negara Islam yang adil, demokratik, dan bermoral, berbeza dengan penentangan kuat daripada DAP.⁵¹ Sokongan utama datang daripada pengundi Melayu-Islam di Kelantan dan Terengganu, tetapi kejayaan pilihan raya bergantung kepada kerjasama dengan parti lain.⁵²

Tempoh Awal Pembentukan: Ideologi dan Gabungan Awal

Pada peringkat awal (1951–1956), PAS beroperasi sebagai parti politik atas nama sahaja. Objektif utamanya adalah pembentukan masyarakat Islam melalui pendidikan, tanpa menuntut kuasa secara radikal.⁵³ Pada 1972–1977, PAS menyertai BN di bawah UMNO, di mana mereka mencatat prestasi terbaik pada Pilihan Raya Umum (PRU) 1974 dengan 14 kerusi Parlimen dan 46 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN).⁵⁴ Ini menunjukkan strategi pragmatik untuk mengukuhkan pengaruh, walaupun ideologi tetap bertentangan dengan UMNO.⁵⁵

PAS meninggalkan BN pada 1978 dan membentuk Angkatan Perpaduan Ummah (APU) pada 1989 bersama parti pecahan UMNO.⁵⁶ Pada PRU 1990, PAS menguasai Kelantan selepas 13 tahun, memenangi 7 kerusi Parlimen dan 33 kerusi DUN, serta mengekalkannya pada PRU 1995 dan 2004.⁵⁷ Puncak kejayaan dicapai pada PRU 1999 melalui Barisan Alternatif (BA) dengan DAP dan

PKR (dikaitkan dengan Anwar Ibrahim). PAS mengawal Terengganu, memenangi 27 kerusi Parlimen dan 98 kerusi DUN yang menunjukkan satu bentuk prestasi gandaan daripada prestasi 1974.⁵⁸ Ini membuktikan keberkesanan kerjasama strategik untuk mengatasi masalah utama PAS dalam pengaruh nasional.

Walaupun berjaya di kawasan Melayu-Islam, PAS tidak mampu menyaingi BN secara nasional kerana prinsip Islamiknya yang menghadkan sokongan luar.⁵⁹ Pengaruhnya terhad di luar komuniti Islam, menjadikannya pembangkang utama kepada UMNO sehingga kini. Trend pilihan raya menunjukkan keperluan gabungan untuk kejayaan besar, sambil mengekalkan dinamika radikal ke arah demokrasi Islamik.

Dinamika dan Perubahan Politik Parti UMNO

Perkembangan dan Dinamika UMNO Ke Arah Islamik

United Malays National Organisation (UMNO) muncul daripada konteks kolonial British yang melucutkan kuasa sultan Melayu sambil mengekalkan pengaruh mereka ke atas hal ehwal Islam.⁶⁰ Gerakan modernis Kaum Muda (1920-an–1930-an) memperkenalkan idea reformis seperti pendidikan moden dan perpaduan Muslim, walaupun gagal menyaingi Kaum Tua akibat penindasan pihak berkuasa.⁶¹ Gerakan ini meletakkan asas politik Islam sistematik dalam kalangan Masyarakat Melayu yang membentuk sintesis Melayu-Islam yang moden menjelang 1950-an.

UMNO ditubuhkan pada 1946 sebagai Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, dengan fokus nasionalisme UMNO pada masa tersebut mengidentifikasikan dirinya sebagai sebuah parti nasionalis liberal yang komited kepada penguasaan politik Melayu serta tradisi Barat negara sekular, pasaran bebas, keamanan antara etnik, dan demokrasi.⁶² Peruntukan untuk hal ehwal Islam membenarkan dana negara digunakan untuk aktiviti keagamaan dan untuk mahkamah syariah untuk menguatkuasakan undang-undang peribadi dan keluarga terhad yang terpakai kepada orang Islam. Namun, artikel perlembagaan rasmi mengenai Islam sebagai agama persekutuan bukanlah persetujuan bahawa Malaysia merupakan sebuah negara Islam.⁶³ Evolusi UMNO ke arah islamik boleh dibahagikan kepada tiga era utama, disokong strategi pragmatik untuk mengekalkan hegemoni.

Era Pertama: Kemerdekaan hingga 1969 (Tunku Abdul Rahman)

UMNO membentuk pakatan Barisan Nasional (BN) pra-1969 dengan MCA dan MIC, memenangi 51 daripada 52 kerusi pada PRU 1955.⁶⁴ Era ini dicirikan oleh demokrasi liberal, kesinambungan kolonial, dan pakatan bangsawan-birokrat-perniagaan Cina di tengah ekonomi asing-dikuasai.⁶⁵ Islam dikekalkan sebagai hak negeri di bawah sultan, tanpa tuntutan negara Islam.

Era Kedua: 1969–1981 (Abdul Razak dan Hussein Onn)

Selepas rusuhan 1969, UMNO memperkenalkan nasionalisme ekonomi Melayu, menolak sekularisme mutlak.⁶⁶ Perlembagaan UMNO menekankan pembangunan Islam dalam masyarakat, termasuk pengiktirafan Islam sebagai agama persekutuan bagi meredakan kebimbangan sultan.

Era Ketiga: 1981 dan Seterusnya (Mahathir Mohamad)

Di bawah Mahathir (1981–2003), Strategi menangani golongan Islamis adalah antara perkara paling utama dalam agenda politik Mahathir ketika beliau memegang jawatan pada tahun 1981. Strategi ini

kemudiannya berjaya memujuk pemimpin ABIM pada ketika itu Anwar Ibrahim untuk menerima pelawaan menyertai UMNO sejurus sebelum pilihan raya 1982.⁶⁷ Selain itu, antara kenyataan dasar awal Mahathir sebagai perdana menteri adalah mengenai asimilasi nilai-nilai Islam dalam pentadbiran kerajaan.

Dasar itu disifatkan sebagai usaha untuk mencapai keseimbangan antara aspek rohani dan materialisme yang akan dilaksanakan secara berperingkat dan mengambil kira sensitiviti penduduk bukan Islam.⁶⁸ Walaupun strategi ini bukan satu perubahan ke arah radikalisme dan sesungguhnya bukan berfokuskan kepada mewujudkan negara Islam atau melaksanakan undang-undang Islam (syariah), namun begitu, dasar ini merupakan salah satu ekspresi proses Islamisasi paling signifikan yang pernah dibuat oleh UMNO.

Di bawah Abdullah Ahmad Badawi (2003–2008): Islam Hadhari diperkenalkan pada 2004 sebagai Islam progresif, bertamadun, menekankan 10 prinsip utama:

- Iman dan taqwa kepada Allah.
- Kerajaan adil dan amanah.
- Rakyat bebas dan merdeka.
- Penguasaan ilmu berterusan.
- Pembangunan ekonomi seimbang.
- Kualiti hidup baik.
- Perlindungan minoriti dan wanita.
- Keutuhan budaya dan moral.
- Penjagaan alam sekitar.
- Pertahanan kuat.

Konsep ini menolak ekstremisme (jihad, al-Qaeda), menggalakkan dialog kaum, musyawarah, dan tadbir urus baik, sambil menegaskan Malaysia sebagai negara Islam demokratik bukan teokratik.⁶⁹ Perkara ini bertujuan untuk menentang PAS dan menyatukan Melayu luar bandar.

Perbincangan

Dinamika PAS: Daripada Radikal Islamik ke Demokrasi Islamik

Jadual 1: Analisis Dinamika dan Perkembangan Parti Politik PAS

Era / Tahun	Perkembangan Ideologi	Peristiwa Politik & Prestasi PRU	Pengaruh Negeri
1951–1959	Awal pembentukan. Islam bukan agenda utama, fokus nasionalis Melayu berteraskan agama.	PRU 1955: 1 kerusi. PRU 1959: 13 kerusi.	Kuasai Kelantan & Terengganu.
1960-an – 1970-an	PAS mula mengkritik UMNO sebagai tidak Islamik, menolak pengaruh Barat. Radikal Islamik mula diperkukuh.	Sertai BN (1973–1977). PRU 1974: 14 parlimen, 46 DUN. Kelantan tumbang 1977.	Kelantan hilang.

Dinamika Islamik Parti Pas dan Umno dalam Politik Malaysia

1980-an	Islam sebagai sistem pemerintahan mula dijadikan agenda utama. Idea Negara Islam dipopularkan.	Prestasi merosot PRU 1986 (1 kerusi).	Terhad ke negeri majoriti Melayu.
1990-an	Pendekatan lebih teratur ke arah “Demokrasi Islamik” melalui gabungan politik.	PRU 1990 (APU): Kuasai Kelantan. PRU 1999 (BA): 27 parlimen, 98 DUN. Kuasai Terengganu.	Kelantan, Terengganu.
2000-an	PAS mula menekankan konsep demokrasi berasaskan Islam, kerjasama dengan parti bukan Islam (PR).	PRU 2008: 23 parlimen. PRU 2013: 21 parlimen.	Kelantan kekal, Kedah menang 2008.
2015	Perpecahan dalaman (konservatif vs progresif). Pemimpin progresif keluar tubuh Amanah.	–	–
2018 (PRU14)	Bertanding solo melalui Gagasan Sejahtera. Strategi lebih pragmatik, masih Islamik tetapi melalui proses demokrasi.	18 parlimen (155 ditandingi).	Kelantan, Terengganu, Kedah.
2020 kini	– Membina blok politik Islam-Melayu dengan Bersatu & UMNO. Islam demokratik lebih berorientasikan kuasa politik arus perdana.	Kuasai semula Kedah, Kelantan & Terengganu.	Kukuh di negeri majoriti Melayu-Islam.

Sumber: Analisis Dinamika dan Perkembangan Parti Politik PAS (Disusun berdasarkan analisis daripada Amer,⁷⁰ Wan E. A. Kadir,⁷¹ Farish A. Noor⁷² dan pelbagai sumber jurnal lain).

Jadual 1 menunjukkan berkenaan hasil analisis proses sosialisasi politik dalam mempengaruhi perkembangan ideologi Islamik PAS serta perubahan dinamika politik Melayu-Islam di Malaysia yang dianalisis berdasarkan dinamika dan perubahan politik pasrti PAS dan politik Islam di Malaysia. Perkembangan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dapat difahami melalui kerangka teori sosialisasi politik yang menekankan proses pembelajaran, penyesuaian dan internalisasi norma politik hasil interaksi berterusan dengan sistem politik sedia ada. Pada fasa awal penubuhannya (1951–1959), PAS masih dipengaruhi nasionalisme Melayu berteraskan agama, dengan Islam berfungsi sebagai identiti politik dan belum dijadikan agenda pemerintahan yang menyeluruh.⁷³ Ini mencerminkan tahap awal sosialisasi politik dalam konteks negara pascakolonial.

Pada era 1960-an hingga 1980-an, PAS menunjukkan pengukuhan ideologi Islamik yang lebih radikal, termasuk penolakan terhadap pengaruh Barat dan pengangkatan idea negara Islam sebagai agenda utama. Fasa ini boleh ditafsirkan sebagai reaksi ideologikal terhadap struktur politik sedia ada, sebelum proses sosialisasi institusi menjadi lebih dominan.⁷⁴ Namun, penyertaan berterusan dalam pilihan raya dan persaingan politik kemudiannya mendorong PAS untuk menilai semula pendekatan tersebut.

Bermula dekad 1990-an hingga 2000-an, PAS semakin disosialisasikan dalam kerangka demokrasi berparlimen, yang mendorong kepada penerimaan mekanisme demokrasi dan pembentukan gabungan politik. Penekanan terhadap konsep demokrasi berasaskan Islam, keadilan dan tadbir urus mencerminkan internalisasi norma demokrasi selari dengan teori sosialisasi politik.⁷⁵ Walaupun perpecahan dalaman berlaku pada tahun 2015, penyertaan PAS dalam PRU14 (2018) melalui Gagasan Sejahtera menunjukkan bahawa PAS kekal beroperasi secara Islamik tetapi melalui proses dan saluran demokrasi.⁷⁶

Secara keseluruhan, dapatan ini mengukuhkan hujah teori sosialisasi politik bahawa penglibatan berterusan dalam sistem politik demokratik cenderung mendorong parti Islam ke arah adaptasi, moderasi dan pragmatisme, tanpa semestinya menyingkirkan asas ideologi asal. Jadual 1 merumuskan perkembangan ini dengan mengaitkan setiap fasa perubahan PAS kepada konteks politik dan strategi pilihan raya, sekali gus menunjukkan hubungan langsung antara teori sosialisasi politik dan dapatan kajian.

Dinamika UMNO: UMNO Ke arah Islamik

Jadual 2: Analisis Dinamika dan Perkembangan Parti Politik UMNO

Era / Pemimpin	Fokus / Dinamika Politik	Peranan Islam	Ciri Utama
Penubuhan (1946) – Dato’ Onn Jaafar	- Menentang Malayan Union - UMNO sebagai parti nasionalis Melayu	Islam sebagai simbol identiti Melayu, bukan agenda utama	- Nasionalisme Melayu - Penyertaan ulama (pasca Hizbul Muslimin diharamkan) - Wujud dua aliran: Islamis vs nasionalis pragmatik
Tunku Abdul Rahman (1951–1970)	- UMNO lebih liberal-sekular - Fokus kemerdekaan, demokrasi berparlimen	Islam dimasukkan dalam Perlembagaan Persekutuan (Agama Persekutuan, kuasa Sultan, bahasa Melayu)	- Pakatan dengan MCA & MIC (Perikatan) - Demokrasi liberal ala Westminster - Islam lebih bersifat simbolik
Tun Razak & Hussein Onn (1969–1981)	- Selepas rusuhan 13 Mei 1969 - Dasar Ekonomi Baru (DEB) → nasionalisme ekonomi Melayu	Islam dijadikan asas moral untuk kestabilan politik & sosial	- Peranan sultan diperkukuh - Islam dalam kerangka pembangunan - UMNO mula berdepan pengaruh PAS
Mahathir Mohamad (1981–2003)	- Era liberalisme + authoritarianisme - Pertumbuhan ekonomi pesat - Strategi menangani pengaruh PAS & gerakan Islamis	Islamisasi sistematik: - Penubuhan UIAM - Perbankan & insurans Islam - Kursus & media Islam - Kompleks Islam, persidangan antarabangsa	- Bawa masuk Anwar Ibrahim (ABIM) ke UMNO (1982) - Islam sebagai “nilai tambah” dalam pembangunan moden - Tekankan keseimbangan rohani-material

Abdullah Ahmad Badawi (2003–2009)	- Penerusan Islamisasi UMNO dengan wajah lebih progresif	Islam Hadhari: - Islam progresif & bertamadun - Fokus kualiti hidup, ekonomi, tadbir urus baik	- 10 Prinsip Islam Hadhari (iman, ilmu, ekonomi, hak minoriti, alam sekitar dll.) - Menolak ekstremisme, jihad ganas - Promosi dialog Muslim– bukan Muslim - Demokrasi + musyawarah sebagai asas tadbir urus
-----------------------------------	--	--	---

Sumber: Analisis Dinamika dan Perkembangan Parti Politik UMNO (Disusun berdasarkan analisis daripada Khoo,⁷⁷ Hamid & Ismail,⁷⁸ Mohd Azizuddin⁷⁹ dan pelbagai sumber jurnal lain).

Jadual 2 menunjukkan berkenaan hasil analisis proses sosialisasi politik dalam mempengaruhi perkembangan ideologi Islamik PAS serta perubahan dinamika politik Melayu-Islam yang dianalisis berdasarkan dinamika perubahan politik parti UMNO dan politik Melayu di Malaysia. Peranan Islam dalam UMNO berkembang secara berperingkat selari dengan perubahan kepimpinan dan konteks politik nasional. Pada fasa penubuhan di bawah Dato' Onn Jaafar (1946), UMNO muncul sebagai parti nasionalis Melayu yang menentang Malayan Union. Dalam tempoh ini, Islam berfungsi terutamanya sebagai simbol identiti Melayu dan alat mobilisasi politik, tanpa dijadikan agenda dasar atau pemerintahan yang utama.⁸⁰ Pendekatan ini mencerminkan keutamaan perjuangan nasionalisme etnik dalam konteks pascakolonial awal.

Di bawah kepimpinan Tunku Abdul Rahman (1951–1970), UMNO mengukuhkan orientasi politik yang lebih liberal dan sekular, dengan penekanan terhadap kemerdekaan dan demokrasi berparlimen.⁸¹ Walaupun begitu, Islam mula diinstitusikan secara formal melalui Perlembagaan Persekutuan, termasuk pengiktirafan Islam sebagai agama Persekutuan, peranan Raja-Raja Melayu sebagai ketua agama Islam, serta pemerksaan bahasa Melayu.⁸² Langkah ini menunjukkan usaha UMNO mengimbangi tuntutan nasionalisme Melayu-Islam dengan keperluan membina negara berbilang kaum.

Era Tun Abdul Razak dan Hussein Onn (1969–1981), khususnya selepas peristiwa 13 Mei 1969, menyaksikan peralihan penting dalam strategi UMNO. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) memperkukuh nasionalisme ekonomi Melayu, manakala Islam mula dimanfaatkan sebagai asas moral untuk menjamin kestabilan politik dan keharmonian sosial. Dalam konteks ini, Islam berperanan sebagai kerangka nilai yang menyokong legitimasi dasar negara, tanpa mengubah struktur demokrasi sedia ada.⁸³

Di bawah kepimpinan Mahathir Mohamad (1981–2003), proses Islamisasi negara menjadi lebih sistematik dan terinstitusi. Seiring dengan pertumbuhan ekonomi pesat dan pendekatan politik yang lebih autoritarian, UMNO menggunakan Islam sebagai strategi untuk menangani pengaruh PAS dan kebangkitan gerakan Islamis.⁸⁴ Penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), pembangunan perbankan dan insurans Islam, peluasan kursus dan media Islam, serta penganjuran persidangan Islam antarabangsa mencerminkan pendekatan state-led Islamisation yang pragmatik dan berorientasikan legitimasi politik.⁸⁵

Pendekatan ini diteruskan di bawah Abdullah Ahmad Badawi (2003–2009) melalui gagasan Islam Hadhari, yang menampilkan wajah Islam yang lebih progresif dan bertamadun.⁸⁶ Islam ditafsirkan sebagai asas pembangunan holistik yang menekankan kualiti hidup, pertumbuhan ekonomi, ilmu pengetahuan dan tadbir urus yang baik. Pendekatan ini menunjukkan usaha UMNO untuk menyelaraskan institusionalisasi Islam dengan tuntutan demokrasi moden dan nilai sejagat.⁸⁷

Secara keseluruhan, dinamika UMNO memperlihatkan bahawa peranan Islam berkembang daripada simbol identiti kepada instrumen legitimasi dan akhirnya menjadi komponen institusi negara. Perubahan ini mencerminkan proses adaptasi dan sosialisasi politik UMNO dalam sistem demokrasi berparlimen yang kompetitif, khususnya dalam mengurus hubungan antara nasionalisme Melayu, Islam dan keperluan tadbir urus moden. Jadual 2 merumuskan perkembangan ini dengan mengaitkan setiap fasa perubahan UMNO kepada konteks politik dan strategi pilihan raya, sekali gus menunjukkan hubungan langsung antara teori sosialisasi politik dan dapatan kajian.

Kesimpulan

Kajian ini memberikan sumbangan yang jelas dan bernilai melalui pengaplikasian teori sosialisasi politik untuk menganalisis transformasi Islamik UMNO dan PAS secara analitikal melalui kerangka teori yang menyatukan dinamika hubungan kedua parti sebagai proses sosialisasi berterusan, bukannya persaingan ideologi statik semata-mata. Perubahan arah tuju politik kedua-dua parti ini menunjukkan kecenderungan yang semakin jelas ke arah pendekatan Islamik dalam usaha menyesuaikan diri dengan tuntutan politik semasa dan sensitiviti pengundi Melayu-Islam. Penekanan dalam kajian ini bahawa kedua-dua parti bersifat adaptif dan pragmatik, dengan pendekatan Islamik mereka berubah mengikut konteks politik serta tuntutan pengundi Melayu-Islam. Hujah utama yang dinyatakan sejak bahagian awal bahawa politik Melayu-Islam berada dalam tahap kesepaduan yang berkembang (bukan perpaduan mutlak) berkait rapat dengan kesimpulan ini. Dinamika ini mencorakkan landskap politik nasional melalui persaingan wacana Islam pragmatik, dipengaruhi faktor seperti PRU, konflik dalaman, dan isu Melayu-Islam. Dalam konteks ini, PRU berfungsi sebagai ukuran kepada sejauh mana pengundi menerima perubahan strategi dan dasar yang lebih berteraskan nilai Islam bagi mengekalkan sokongan rakyat. Perkembangan politik Melayu-Islam yang melibatkan UMNO dan PAS mencerminkan proses perubahan yang menuju ke arah pengukuhan identiti Islamik dalam politik nasional. Kajian ini menegaskan bahawa transformasi politik Islamik tersebut berlaku seiring dengan perkembangan demokrasi dan perubahan keutamaan pengundi, sekali gus mewujudkan suasana politik yang lebih berlandaskan nilai serta aspirasi Islam. Kajian ini berhujah bahawa dinamika politik UMNO dan PAS tidak boleh difahami semata-mata sebagai persaingan ideologi, sebaliknya sebagai satu proses sosialisasi politik yang berterusan. Sumbangan utama kajian ini ialah pengaplikasian teori sosialisasi politik bagi menjelaskan transformasi Islamik kedua-dua parti secara analitikal. Hubungan ini jelas kerana bahagian awal menggambarkan kedinamikan signifikan dan faktor dalaman dan luaran sebagai pendorong perubahan. Dapatan ini menonjolkan implikasi praktikal iaitu politik Melayu-Islam akan terus berevolusi, mempengaruhi kestabilan negara, dan menawarkan pandangan baharu untuk penyelidikan masa depan. Oleh itu, penyelidikan lanjutan disarankan untuk memberi tumpuan kepada negeri Perak bagi memahami dengan lebih mendalam bagaimana kedinamikan politik Islamik antara UMNO dan PAS terbentuk serta berkembang dalam konteks tempatan.

Nota

¹ Ahamad Jama', *Institusi Raja dan Budaya Politik Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2014, hlm. 1–6.

² Muhamad Nadzri Mohamed Noor, "The 14th General Election, the Fall of Barisan Nasional, and Political Development in Malaysia, 1957–2018," *Journal of Current Southeast Asian Affairs* 37, no. 3, 2018, hlm. 139–145.

³ Hamid, "Demografi Penduduk Melayu dan Implikasinya terhadap Politik Malaysia," *Jurnal Sains Sosial Malaysia* 14, no. 1, 2019, hm. 23–26.

Dinamika Islamik Parti Pas dan Umno dalam Politik Malaysia

- ⁴ Khoo Boo Teik, *Islam, Politics and Political Change in Malaysia*, ISEAS–Yusof Ishak Institute, Singapore, 2013, hlm. 112.
- ⁵ Herbert H. Hyman, *Political Socialization: A Study in the Psychology of Political Behavior*, Free Press of Glencoe, New York, 1959, hlm. 3-12.
- ⁶ Hyman, *Political Socialization*, hlm. 20.
- ⁷ Gordon Marshall, *The Concise Oxford Dictionary of Sociology*, Oxford University Press, Oxford, 1996, hlm. 415.
- ⁸ Roberta Sigel, ed., *Learning about Politics: A Reader in Political Socialization*, Random House, New York, 1970, hlm. 1-15.
- ⁹ John L. Esposito, *Political Islam: Revolution, Radicalism, or Reform?* Lynne Rienner Publishers, Boulder, 1997, hlm. 7-15.
- ¹⁰ Anthony Milner, *The Invention of Politics in Colonial Malaya: Contesting Nationalism and the Expansion of the Public Sphere*, Cambridge University Press, Cambridge: 1998, hlm. 1-10.
- ¹¹ Samuel P. Huntington, *The Third Wave: Democratization in the Late Twentieth Century*, University of Oklahoma Press, Norman, 1991, hlm. 92-95.
- ¹² Muhammad Tawfik, “Political Dynamism and Institutional Adaptation in Contemporary Politics,” *Journal of Political Studies* 25, no. 2 2018, hlm. 45-48.
- ¹³ Lee Drutman, *The Business of America Is Lobbying: How Corporations Became Politicized and Politics Became More Corporate*, Oxford University Press, Oxford, 2016, hlm.12-15.
- ¹⁴ Din Hussain, Kib Yusof, et al., “Islam, Ethnicity and Political Competition in Malaysia: UMNO–PAS Relations,” *Asian Journal of Political Science* 25, no. 1, 2017, hlm. 65-70.
- ¹⁵ Ibid.
- ¹⁶ Ahmad Fauzi Abdul Hamid and Sulaiman Mahbob, “The 1987 UMNO Crisis and the Restructuring of Executive Power in Malaysia,” *Kajian Malaysia* 26, no. 2, 2008, hlm. 1-15.
- ¹⁷ Mazlan Mohamad, *Politik Islam di Malaysia: PAS dan Nasionalisme Melayu*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2017, hlm. 45-47.
- ¹⁸ Ibid., 48-50.
- ¹⁹ Amer Saifude Ghazali, “Islam, Melayu dan Politik: Persaingan UMNO–PAS dalam Politik Malaysia,” *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 38, no. 2, 2011, hlm. 67-69.
- ²⁰ Riduan Mohamad Nor, *Sejarah Perjuangan Politik Islam di Malaysia*, Pustaka Salam, Kuala Lumpur, 2011, hlm. 112-115.
- ²¹ Ibid., hlm.118-120.
- ²² Washida Abdul Rahman, “PAS dalam Pilihan Raya Umum Malaysia: Analisis Penyertaan dan Prestasi,” *Jurnal Demokrasi dan Pilihan Raya* 5, no. 1, 2019, hlm. 23-25.
- ²³ Ibid., 26-28.
- ²⁴ Ahmad Fauzi Abdul Hamid, “Islam Politik dan Dinamika Pakatan Politik di Malaysia: Pengalaman PAS dalam Pakatan Rakyat,” *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 46, no. 1, 2019, hlm. 91-94.
- ²⁵ Ibid., 95.
- ²⁶ Mohd Azizuddin Mohd Sani, “UMNO, PAS dan Politik Identiti: Polarisasi Melayu-Islam Pasca PRU 2008,” *Jurnal Wacana Politik* 15, no. 2, 2020, hlm. 55-58.
- ²⁷ Ibid, hlm.57.
- ²⁸ Ibid., hlm. 9-62.
- ²⁹ Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali dan Nur Azuki Yusuff, “Tingkah Laku Pengundi dan Dinamika Politik Pilihan Raya di Malaysia,” *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 48, no. 2 2021, hlm. 133-136.

- ³⁰ Norazlan Hadi Yaacob, "Politik Melayu-Islam di Malaysia: Antara Konservatisme dan Progresivisme," *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23, no. 1, 2022, hlm. 41-44.
- ³¹ Richard Stubbs, *Hearts and Minds in Guerrilla Warfare: The Malayan Emergency, 1948–1960*, Singapore: Oxford University Press, Singapore, 1979, hlm. 34-36.
- ³² Zain M., R. Hamil, dan N. Yaakob, "Nasionalisme Melayu dan Gerakan Islam," *Jurnal Sejarah Malaysia* 19, no. 1, 2011, hlm. 22-45.
- ³³ Indraputra Hj Ibrahim, "Sejarah UMNO: Mengimbas Detik-Detik Penting dalam Perjuangan dan Perkembangan Parti," UMNO Pulau Pinang, 15 Ogos 2024, diakses 20 Januari 2026, <https://www.umnopg.com.my/2024/08/15/sejarah-umno-mengimbas-detik-detik-penting-dalam-perjuangan-dan-perkembangan-parti/>.
- ³⁴ Zain M., R. Hamil, dan N. Yaakob, *Nasionalisme Melayu dan Gerakan Islam*, hlm. 45-46.
- ³⁵ Stubbs, R. "The United Malays National Organization, the Malayan Chinese Association, and the early years of the Malayan Emergency, 1948–1955," *Journal of Southeast Asian Studies*, 10 no. 1, 1979b, hlm. 77-88.
- ³⁶ Nagata, J., "The reflowering of Islam in Malaysia. *Kedestanan*," 8 no. 2, 1984, hlm. 1-15.
- ³⁷ Zain M., R. Hamil, dan N. Yaakob, *Nasionalisme Melayu dan Gerakan Islam*, 47.
- ³⁸ Hamid F. A. F. dan H. Jalani, "Beberapa Pandangan mengenai Islam dari Perspektif Parti Politik Melayu," *Jurnal Al-Tamaddun* 5, 2010, hlm. 117-130.
- ³⁹ Mohamad M., "Religion and Politics in Malaysian Nation-Building: A 'Double-Movement' of Hegemonic and Plural Islam," *Inter-Asia Cultural Studies* 18, no. 3, 2017, hlm. 445-453.
- ⁴⁰ Washida Abdul Rahman, *PAS dalam Pilihan Raya Umum Malaysia: Analisis Penyertaan dan Prestasi*, hlm.31-32.
- ⁴¹ Hamid, F. A. F., & Jalani, H, *Beberapa pandangan mengenai Islam dari perspektif parti politik Melayu*, hlm. 121-122
- ⁴² Nagarajan S., "Early Electoral History of PAS in Kelantan, and Terengganu," *Journal of Malaysian Studies*, 35, no. 1, 2017, hlm. 112-130.
- ⁴³ Wan Saiful Wan Jan, "Reformasi dan Politik Islam," *Journal of Southeast Asian Politics* 14, no. 2, 2020, hlm. 55-58; James Chin, *Malaysia: Reformasi and the Crisis of UMNO*, Routledge, London, 2009, hlm. 112-115.
- ⁴⁴ Ibid.
- ⁴⁵ Hamid, F. A. F., & Jalani, H, *Beberapa pandangan mengenai Islam dari perspektif parti politik Melayu*, hlm. 75-77.
- ⁴⁶ Welsh, B., *GE14: PAS's solo run and its implications*, 1-22. ISEAS-Yusof Ishak Institute, 2018.
- ⁴⁷ Ibid.
- ⁴⁸ Hamid, F. A. F., & Jalani, H, *Beberapa pandangan mengenai Islam dari perspektif parti politik Melayu*, hlm. 80–82.
- ⁴⁹ Nurdin J., "Evolusi Agenda Islam PAS dari Radikalisme ke Demokrasi," *Dialog: Jurnal Kementerian Agama* 2019, hlm. 50–55.
- ⁵⁰ Tayeb, A., "Green wave of change in the East Coast: PAS and anti-UMNO backlash in Kelantan," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 45 no. 1, 2018, hlm. 177-195.
- ⁵¹ Martinez, P. *The Islamic Party of Malaysia: Between mainstream politics and Islamist militancy*. Dalam *Southeast Asian Affairs*, Institute of Southeast Asian Studies, 2001, hlm. 220-245.
- ⁵² Azmi, Z., "PAS: Permuafakatan politik sebagai tapak integrasi dan peranan wanita," *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 47 no. 3, 2020, hlm. 428-462.
- ⁵³ Farish A. Noor, *Islam embedded: The historical development of the Pan-Malaysian Islamic Party PAS (1951-2003)*. Routledge, 2009, hlm. 45-54.
- ⁵⁴ Ahmad Fauzi Abdul Hamid, "PAS dalam Barisan Nasional," *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 42, no. 1, 2015, hlm. 88-91.
- ⁵⁵ Wan E. A. Kadir, *Sejarah PAS dalam politik Malaysia*, Penerbit UKM, Bangi, hlm. 2018, 90-167.

- ⁵⁶ Jaffrey Suhaimi, "APU dan Politik Pembangkang," *Journal of Malaysian Politics* 6, no. 1 (2018): 41-44.
- ⁵⁷ *Sinar Harian*, 29 tahun PAS tawan Kelantan, 2019. [<https://www.sinarharian.com.my/article/27029/suara-sinar/analisis-sinar/29-tahun-pas-tawan-hati-rakyat-kelantan>]
- ⁵⁸ Lim Kit Siang, DAP, PAS and PKR parliamentary results, 2013. [<https://blog.limkitsiang.com/2013/11/27/dap-pas-and-pkr-achieved-their-best-parliamentary-and-state-assembly-results-during-their-tripartite-co-operation-in-the-1999-2008-and-2013-general-elections/>]
- ⁵⁹ Ahmad Fauzi Abdul Hamid, *PAS dalam Barisan Nasional*, hlm. 83-85
- ⁶⁰ Sabtu Mohamed et al., "Islam dan Kuasa Politik Melayu," *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 20, no. 2, 2020, hlm. 11-14.
- ⁶¹ Kamil M., A. Pazil, R. Haled, et al., "Kaum Muda dan Reformasi Islam," *Jurnal Sejarah Malaysia* 28, no. 2 2020, hlm. 112-130.
- ⁶² Kikue Hamayotsu, *Demobilizing Islam: Religion, State and Politics in Malaysia*, Cambridge University Press, Cambridge, 2013, hlm. 62-65.
- ⁶³ Andrew Harding, *The Constitution of Malaysia*, Hart Publishing, 2012, Oxford, hlm. 198-201.
- ⁶⁴ Azmi, Z., *PAS: Permuafakatan politik sebagai tapak integrasi dan peranan wanita*, hlm. 433-435.
- ⁶⁵ Francis Loh Kok Wah & Joakim Öjendal Soh, "State Formation and Ethnic Politics," *Asian Survey* 50, no. 2 2010, hlm. 215-218; Pek Koon Heng, *Chinese Politics in Malaysia*, Oxford University Press, Singapore, 1997, hlm. 92-95.
- ⁶⁶ Zain M., et al., *Nasionalisme Melayu dan Gerakan Islam*, hlm. 48-49.
- ⁶⁷ Khoo, *Mahathir Dan Institusi*, hlm. 91-93
- ⁶⁸ Omar Farouk Bajunid, "Islamization Policies in Malaysia," *Journal of Muslim Minority Affairs* 26, no. 3 2006, hlm. 431-434.
- ⁶⁹ Hamid, F., *Beberapa pandangan mengenai Islam dari perspektif parti politik Melayu*, hlm. 81-83.
- ⁷⁰ Amer Saifude Ghazali, *Islam, Melayu dan Politik*, hlm. 68.
- ⁷¹ Wan Abdul Kadir Wan Yusuf, *Politik Pragmatik PAS dan Dinamika Ideologi Islam*, hlm. 102-105
- ⁷² Ibid.
- ⁷³ Farish A. Noor, *Islam Embedded: The Historical Development of the Pan-Malaysian Islamic Party*, hlm. 88
- ⁷⁴ Ibid.
- ⁷⁵ Ahmad Fauzi Abdul Hamid, *Islam Politik dan Demokrasi di Malaysia: Analisis Terhadap Evolusi PAS*, hlm. 91-95.
- ⁷⁶ Aizuddin Mohd Sani, *PAS, Gagasan Sejahtera dan Strategi Pilihan Raya PRU14*, hlm. 63-66.
- ⁷⁷ Khoo, *Mahathir Dan Institusi*, hlm. 91-93
- ⁷⁸ Hamid, F., *Beberapa pandangan mengenai Islam dari perspektif parti politik Melayu*, hlm. 81-83.
- ⁷⁹ Mohd Azizuddin Mohd Sani, *UMNO, PAS dan Politik Identiti*, hlm. 55-58.
- ⁸⁰ Indraputra Hj Ibrahim. "Sejarah UMNO: Mengimbas detik-detik penting dalam perjuangan dan perkembangan parti". *umnopg*, 15 Ogos. <https://www.umnopg.com.my/2024/08/15/sejarah-umno-mengimbas-detik-detik-penting-dalam-perjuangan-dan-perkembangan-parti/>.
- ⁸¹ Stubbs, *Hearts and Minds in Guerrilla Warfare: The Malayan Emergency*, hlm. 61-64.
- ⁸² Bakar, N., *Hak Melayu dan Islam dalam Perlembagaan*, hlm. 112-150.
- ⁸³ Aizuddin Mohd Sani, *PAS, Gagasan Sejahtera dan Strategi Pilihan Raya PRU14*, hlm. 63-66
- ⁸⁴ Khoo, *Mahathir Dan Institusi*, hlm. 91-93
- ⁸⁵ Ismail Yusof, "Islamisasi Negara dan Politik UMNO," *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 45, no. 2 2018, hlm. 101-104.
- ⁸⁶ Pendekatan ini diteruskan di bawah Abdullah Ahmad Badawi (2003-2009) melalui gagasan Islam Hadhari, yang menampilkan wajah Islam yang lebih progresif dan bertamadun, Abdullah Ahmad Badawi, *Islam Hadhari: A Model Approach for Development and Progress*, Prime Minister's Department, Putrajaya, 2007, hlm. 9-12.

⁸⁷Hamid, F., *Beberapa pandangan mengenai Islam dari perspektif parti politik Melayu*, 2010, hlm. 81–83.

Rujukan

- Abdullah Ahmad Badawi. 2007. *Islam Hadhari Approach: Towards A Progressive Islamic Civilisation*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Almond, G. A., & Coleman, J. S. (eds.). 1960. *The politics of the developing areas*. Princeton University Press.
- Ahmad, S. Y., & Sulaiman, N. 2008. *Kedudukan Barisan Nasional dalam pilihan raya Malaysia: Berakhirnya era hegemoni*. Dalam W. Kabul, S. Haron, M. Z. M. Kib, & A.
- Ahmad Fauzi Abdul Hamid. 2008. "PAS dari 2008 hingga 2018: Transformasi dan cabaran," *Jurnal Kajian Malaysia* 26, no. 2: 1-15.
- Amer, S. 2011. "Politik Melayu dan Islam di Malaysia: Persaingan UMNO-PAS," *Jurnal Kajian Politik Malaysia* 5, no. 2: 45-67.
- Azmi, Z. 2020. "PAS: Permuafakatan politik sebagai tapak integrasi dan peranan wanita," *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 47, no. 3: 428-462.
- Azizuddin Mohd, S. 2020b. "The dynamics of PAS and UMNO in Malaysian politics: A study of their shifting strategies and alliances (2008-2018)," *Asian Journal of Political Science* 2: 112-145.
- Bakar, N. A., Muis, M. S., & Hussin, N. 2010. *Hak Melayu dan Islam dalam Perlembagaan*. Bangi: Penerbit UKM.
- Besar, M. H., Mohd Basori, N. E., & Abdul Ghani, M. H. 2020b. "Prestasi dan penerimaan pengundi terhadap Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dalam pilihan raya umum ke-14 di wilayah pantai barat Semenanjung Malaysia," *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan* 17, no. 4: 60-77.
- Chin, J. 2009. "The 2008 Malaysian election: End of UMNO's dominance?." Dlm. *The politics of Southeast Asia*, 234-267. Routledge.
- Dettman, S. C., & Gomez, E. T. 2020. "Political financing reform: Politics, policies, and patronage in Malaysia," *Journal of Contemporary Asia* 50, no. 1: 36-55.
- Hamid, A. 2015a. "Islamic political parties in Malaysia," *Asian Journal of Political Science* 23, no. 1: 1-20.
- Hamid, A. F. A., & Ismail, M. T. 2014. "Islamist conservatism and the demise of Islam Hadhari in Malaysia," *Islam and Christian-Muslim Relations* 25, no. 2: 159-180.
<https://doi.org/10.1080/09596410.2014.880549>
- Hamid, F. A. F., & Jalani, H. 2010. "Beberapa pandangan mengenai Islam dari perspektif parti politik Melayu," *Jurnal Al-Tamaddun* 5: 117-130.
- Hess, R. D., & Easton, D. 1960. "The child's changing image of the president," *Public Opinion Quarterly* 24, no. 4: 470-488.
- Esposito, J. L., & Voll, J. O. 1996. *Islam and democracy*. Oxford University Press.
- Farish A. Noor. 2009. *Islam embedded: The historical development of the Pan-Malaysian Islamic Party PAS (1951-2003)*. London: Routledge.
- Hamayotsu, K. 2013. *Sectarian politics in Malaysia*. London: Routledge.
- Hardin, R. 2012. *Islam dalam konteks perlembagaan Malaysia*. London: Harvard University Press.
- Heng, P. K. 1997. "The new economic policy and its political impact." *ISEAS*. 22-67.
- Huntington, S. P. 1991. *The third wave: Democratization in the late twentieth century*. University of Oklahoma Press.

- Hyman, H. H. 1959. *Political socialization: A study in the psychology of political behavior*. Free Press of Glencoe.
- Indraputra Hj Ibrahim. 2024. "Sejarah UMNO: Mengimbas detik-detik penting dalam perjuangan dan perkembangan parti," *umnopg*, 15 Ogos.
<https://www.umnopg.com.my/2024/08/15/sejarah-umno-mengimbas-detik-detik-penting-dalam-perjuangan-dan-perkembangan-parti/>
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, & Nur Azuki Yusuff. 2021. "Pasca PRU-14: Dinamika politik menuju PRU-15." Dlm. *Dinamika politik pilihan raya di Malaysia dalam PRU-14*, 471-584. Universiti Malaysia Kelantan.
- Khoo, B. S. J. 2021. *Mahathir dan islamisasi*. Kuala Lumpur: SIRD. 90-145.
- Kamil, M., Pazil, A., Haled, R., et al. 2020. "Kaum Muda dan reformasi Islam," *Jurnal Sejarah Malaysia* 28, no. 2: 112-130.
- Lim, Kit Siang. 2013. "DAP, PAS and PKR parliamentary results," *blog.limkitsiang*.
<https://blog.limkitsiang.com/2013/11/27/dap-pas-and-pkr-achieved-their-best-parliamentary-and-state-assembly-results-during-their-tripartite-co-operation-in-the-1999-2008-and-2013-general-elections/>
- Martinez, P. 2001. *The Islamic Party of Malaysia: Between mainstream politics and Islamist militancy*. Dalam *Southeast Asian Affairs* 2001. 220-245. Institute of Southeast Asian Studies.
- Mohamed, B. A., Bakar, M. A. M., & Hussin, Z. 2010. *Sejauh mana peranan agama dalam politik Malaysia*, 393-409. Institute of Tun Dr. Mahathir Mohamad's Thoughts. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- McLeod, J. M., Shah, D. V., & Lee, N. 2000. "Communication patterns, media processing, and political participation," *Communication Research* 27, no. 3: 276-304.
- Mohamad, M. 2017. "Religion and politics in Malaysian nation-building: A "double-movement" of hegemonic and plural Islam," *Inter-Asia Cultural Studies* 18, no. 3: 445-453.
<https://doi.org/10.1080/14649373.2017.1346168>
- Mohammad Tawfik, & Md Rasip, O. 2018. "Impak kerjasama politik Umno-Pas terhadap perkembangan Islam di Malaysia dari tahun 1973 hingga 1978," *Sains Insani* 2, no. 1: 12-16.
- Mohd Azizuddin, M. 2020. "Islamisasi UMNO dan cabaran selepas PRU 2008," *Jurnal Politik dan Undang-Undang* 15, no. 2: 34-52.
- Mohd Azhar Abd Hamid, & Kassim Thukiman. 2022. "Naratif 'kaum dan agama' mampu gugat agenda perpaduan nasional." *BHarian Online*, 23 November
<https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2022/11/1030277/naratif-kaum-dan-agama-mampu-gugat-agen-da-perpaduan-nasional>
- Mohd Azhar, A., & Kassim, Y. 2022. "Sentimen agama dalam pengundian Melayu: Analisis UMNO-PAS," *Jurnal Pengundi dan Demokrasi* 7, no. 1: 15-32.
- Mat Isa, N. (Nasharudin). 2001. "The Islamic Party of Malaysia (PAS): Ideology, policy, struggle and vision towards the new millennium," *Islamic Party of Malaysia*. 23-112.
- Mohamad, A. 2017. *Penubuhan PAS dan perjuangan kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 45-78.
- Nadzri, M. M. 2018. "The 14th general election, the fall of Barisan Nasional, and political development in Malaysia, 1957-2018," *Journal of Current Southeast Asian Affairs* 37, no. 3: 139-171.
- Nagata, J. 1984. "The reflowering of Islam in Malaysia," *Kedestanan* 8, no. 2: 1-15.
- Nagarajan, S. 2017. "Early electoral history of PAS in Kelantan and Terengganu," *Journal of Malaysian Studies* 35, no. 1: 112-130.

- Norazlan Hadi, M. 2022a. "Konflik konservatisme dan progresif dalam parti Melayu-Islam," *Jurnal Pemikiran Politik Islam* 14, no. 3: 150-168.
- Nurdin, J. 2019. "Evolusi agenda Islam PAS dari radikalisme ke demokrasi." *Dialog Jurnal Kemenag*, 50-70.
- Perdana Leadership Foundation. 2007. "Semangat Islam Hadhari untuk penduduk dunia," *Perdana Leadership Foundation*, 26 Januari.
http://lib.perdana.org.my/PLF/News_2007/28-Feb-2007/UM/Abdullah/UM-26012007.pdf (Hlm. 1-5).
- Roff, W. R. 1967. *The origins of Malay nationalism*. London: Oxford University Press.
- Sinar Harian. 2019. 29 tahun PAS tawan Kelantan.
<https://www.sinarharian.com.my/article/27029/suara-sinar/analisis-sinar/29-tahun-pas-tawan-hati-rakyat-kelantan>
- Stubbs, R. 1979b. "The United Malays National Organization, the Malayan Chinese Association, and the early years of the Malayan Emergency, 1948–1955," *Journal of Southeast Asian Studies*, 10, no. 1: 77-88.
- Sigel, I. E. (ed.). 1970. *Learning about politics: Analyses of student-parent-teacher behavior*. Random House.
- Soh, A. 2010. *Era Tunku Abdul Rahman*. Bangi: Penerbit UKM.
- Tayeb, A. 2018. "Green wave of change in the East Coast: PAS and anti-UMNO backlash in Kelantan," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* 45, no. 1: 177-195.
- Utusan Malaysia. 2007. Malaysia negara Islam, tadbir urus demokratik, 27 Ogos.
http://lib.perdana.org.my/PLF/News_2007/UM/Abdullah/UM-27082007.pdf
- Wan E. A. Kadir. 2018. *Sejarah PAS dalam politik Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Welsh, B. 2018. GE14: "PAS's solo run and its implications," *ISEAS*, 1-22. Kuala Lumpur: Yusof Ishak Institute.
- Zain, M., Hamil, R., Yaakob, N., et al. 2011. "Nasionalisme Melayu dan gerakan Islam," *Jurnal Sejarah Malaysia* 19, no. 1: 22-45.